



Buletin Perdana

Mac-April 2020 | Bil 1/2020 | www.pmo.gov.my | bp@pmo.gov.my

www.facebook.com/ts.muhyiddin

@MuhyiddinYassin

@muhyiddinyassin_official

COVID-19: Mendepani Cabaran Menggalas Tanggungjawab


Pakej Rangsangan
Ekonomi:
Prihatin Rakyat oleh
Kerajaan



A photograph of Tan Sri Muhyiddin Yassin, the Prime Minister of Malaysia, speaking at a podium. He is wearing a traditional grey agam and a black skullcap. Behind him is the Malaysian national flag. To the left of the podium is the national emblem of Malaysia.

After the rain
comes the sun
and
better days
will be here again

Tan Sri Muhyiddin Yassin



Isi Kandungan

Pakej Rangsangan Ekonomi: RM250B Untuk Lindungi Rakyat, Perniagaan	4
Prihatin PKS+	5
Menempuh Gelombang Covid-19: PKP dan Pakej Prihatin Perisai Rakyat	6
Prihatin: Melindungi Rakyat, Menyokong Perniagaan, Mengukuhkan Ekonomi	8
Usaha Hadapi Krisis Covid-19 Dengan Berhemah	12



Ketua Editor:
Marhaini Kamaruddin

Editor:
Shahruddin Mohamad Nor

Tim:
Mohamad Ruzainie Reezman
Wirawati Dewi Ahmad
Azhar Osman
Norazlinawati Walid

Pakej Rangsangan Ekonomi: RM250B Untuk Lindungi Rakyat, Perniagaan

KUALA LUMPUR, 1 April 2020 — Bermula hari ini rakyat Malaysia daripada pelbagai lapisan masyarakat yang terjejas akibat wabak COVID-19 akan menerima dan boleh mula memohon pelbagai bantuan serta inisiatif yang digariskan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi yang diumumkan kerajaan.

Selain Pakej Rangsangan Ekonomi bernilai RM20 bilion yang diumumkan pada 27 Feb, rakyat juga boleh menikmati pelbagai bantuan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang diumum Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada Jumaat lepas.

Kedua-dua pakej yang keseluruhannya berjumlah RM250 bilion bertujuan melindungi rakyat, menyokong perniagaan dan memperkuatkan ekonomi dalam menghadapi kesan pandemik COVID-19.

4. Pemberian diskaun 15 peratus ke atas bil elektrik sektor pelancongan dan dua peratus bagi sektor komersial, industri, pertanian dan isi rumah di Semenanjung Malaysia.
5. Diskaun tambahan penggunaan kadar elektrik. Kerajaan bersama Tenaga Nasional Berhad menambah peruntukan RM530 juta untuk memberi diskaun berperingkat antara 15 peratus hingga 50 peratus mengikut penggunaan kadar elektrik dengan had maksimum 600 kilowatt sebulan.
6. Pelanggan pascabayar dan prabayar akan diperuntukkan internet berkelajuan tinggi secara percuma, dengan kuota satu gigabait (GB) sehari, sehingga pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berakhir.
7. Bayaran ‘one-off’ kepada pemandu teksi sebanyak RM600.



Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) pada 27 Mac 2020 yang lalu

Berikut adalah antara bantuan dan inisiatif di bawah PRIHATIN yang bermula hari ini :

1. Elaun khas RM600 untuk petugas kesihatan dan perubatan.
2. Elaun khas RM200 kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, bomba, Angkatan Pertahanan Awam dan anggota RELA.
3. Penangguhan bayaran Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) selama enam bulan.

8. Penangguhan pembayaran ansuran cukai pendapatan kepada semua Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk tempoh tiga bulan.
9. Penangguhan bayaran ansuran cukai kepada perniagaan yang terjejas dalam sektor pelancongan selama enam bulan.
10. Moratorium pembayaran pinjaman TEKUN, MARA dan koperasi serta mana-mana agensi kerajaan yang memberi pinjaman kepada PKS.

BERNAMA

PrihatinPKS+

Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat



① Skim Kredit Mikro

- Mansuhkan kadar faedah 2% kepada 0%, berjumlah RM500 juta di bawah Bank Simpanan Nasional
- Dipanjangkan kepada TEKUN Nasional, maksimum RM10,000 setiap syarikat, faedah 0%. Jumlah dana RM200 juta

*Pemohon hanya boleh memilih satu daripada skim ini bagi membolehkan lebih ramai peniaga menikmatinya



② Pengecualian/diskaun sewaan oleh pemilik premis swasta

- Kepada peniaga runcit PKS
- Sekurang-kurangnya sewaktu PKP & 3 bulan selepas PKP berakhir
- Akan diberi potongan cukai tambahan bersamaan dengan amaun pengurangan sewa bagi April-Jun 2020
- Pengurangan sewa hendaklah sekurang-kurangnya 30% daripada kadar sewa asal bagi tempoh tersebut



③ Pengurangan bayaran levi pekerja asing 25%

- Kepada semua syarikat yang permit pekerja mereka tamat pada 1 April-31 Dis 2020
- Tidak terpakai kepada pembantu rumah



④ Kerajaan galak perundingan antara majikan & pekerja mengenai terma pekerjaan, termasuk pilihan pemotongan gaji & pemberian cuti tanpa gaji dalam tempoh PKP



⑤ Kerajaan beri moratorium automatik selama 30 hari dari tarikh terakhir PKP untuk pihak syarikat kemuka dokumen berkanun kepada SSM

⑥ Tempoh serah simpan penyata kewangan syarikat dilanjutkan selama 3 bulan daripada tarikh terakhir PKP

- Syarikat yang mempunyai tahun kewangan berakhir 30 Sept-31 Dis 2019
- Perlu mohon daripada SSM
- Tiada fi penghantaran lewat dikenakan



Menempuh Gelombang COVID-19

PKP DAN PAKEJ PRIHATIN PERISAI RAKYAT

Artikel asal **Bernama**

Disediakan oleh:
Siti Baaqiah Mamat dan Anis Nabilla Md Wazilah

Dalam situasi krisis yang sedang melanda negara kita pada waktu ini, yang paling penting kita hendaklah sentiasa bermuafakat, berganding bahu dan cekal dalam mencari penyelesaian kepada setiap masalah yang kita hadapi.

Bulat air kerana pembentung
Bulat manusia kerana muafakat

Berat sama dipikul
Ringan sama dijinjing

Tan Sri Muhyiddin Yassin
Kenyataan Sidang Media YAB Perdana Menteri: Mesyuarat MTEN
Melibatkan COVID-19
23 Mac 2020



Malaysia, yang pertama kali menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), melanjutkan perintah kawalan itu sehingga 14 April dengan lebih ketat, dalam usahanya memerangi wabak COVID-19, selepas fasa pertama berakhir tepat 12 tengah malam ini.

Sepanjang tempoh pelaksanaan PKP fasa pertama itu, pelbagai langkah dan usaha diambil, sama ada di pihak kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), mahupun orang perseorangan, yang dilihat berganding bahu bagi memutuskan rantaian penularan COVID-19, yang boleh membawa maut.

Tegas mengambil tindakan untuk membendung penularan virus yang sehingga tengah hari tadi telah mengorbankan 43 nyawa di Malaysia dan menjangkiti 2,766 orang, kerajaan menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di kawasan yang diklasifikasi sebagai zon merah COVID-19.

PKPD sehingga kini dikuatkuasakan di Simpang Renggam, Kluang, Johor yang melibatkan 3,570 penduduk; Sungai Lui, Hulu Langat Selangor (3,918 orang di tujuh kampung) dan Menara City One, Jalan Munshi Abdullah, yang melibatkan 3,200 penghuni kondominium itu.

Pelaksanaan PKP, yang dilihat sebagai usaha segera untuk memutuskan rantaian jangkitan dalam komuniti, antara lain menyaksikan penguatkuasaan sekatan perjalanan keluar dari negeri masing-masing termasuk ke luar negara, menutup rumah ibadat, sekolah dan institut pengajian tinggi bagi melindungi rakyat.

Tempoh dua minggu itu, yang tidak pernah dilalui rakyat di negara ini, memberi pelbagai pengalaman baharu antaranya bekerja dari rumah, berkurung di rumah, hanya ketua keluarga dibenar membeli barang keperluan, menggunakan aplikasi dalam talian untuk membeli barang, kuliah dan mesyuarat secara telesidang dan memastikan amalan kebersihan diri tahap tinggi, serta jarak sosial.

Sama ada tidak ambil peduli atau sengaja ingkar perintah, terdapat segelintir rakyat yang masih melepak, keluar rumah tanpa alasan munasabah dan ada juga yang beriadah, sehingga Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin merayu agar rakyat, untuk terus berada di rumah masing-masing, selama tempoh dua minggu itu.

Kerajaan turut meningkatkan penguatkuasaan dengan melakukan beberapa tangkapan terhadap individu yang masih ingkar, selain menggerakkan anggota tentera untuk membantu polis dalam menguatkuasakan PKP, bermula 22 Mac.

Menerusi siaran televisyen dan radio, Muhyiddin beberapa kali muncul menyampaikan amanat dan perutusan kepada rakyat, mengenai langkah kerajaan untuk menangani wabak COVID-19 serta mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi, ekoran kesannya kepada ekonomi dan kehidupan rakyat.

Memberi tumpuan kepada kesihatan awam sebagai keutamaan, kerajaan menyalurkan peruntukan tambahan berjumlah RM600 juta kepada Kementerian Kesihatan (KKM) bagi menyokong usaha menangani COVID-19 dan membiayai pengambilan petugas baharu secara kontrak, terutamanya jururawat.

Sejumlah RM500 juta digunakan untuk membiayai pembelian peralatan perubatan seperti 'ventilator' dan peralatan Unit Rawatan Rapi (ICU), peralatan perlindungan diri (PPE) tambahan, bagi kakitangan perkhidmatan perubatan awam serta keperluan makmal untuk saringan COVID-19.

Tempoh PKP itu menyaksikan negara menerima pelbagai bantuan daripada negara luar, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan rakyat, dalam pelbagai bentuk sama ada peralatan perubatan, sukarelawan, anggota perubatan dan kewangan.

Kapasiti makmal KKM yang terbabit dalam menjalankan ujian pengesanan COVID-19 diperluaskan, dengan bantuan daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), yang menyediakan 10 makmal diagnostik tambahan.

Bagi membela nasib golongan yang terjejas akibat pelaksanaan PKP, kerajaan mengambil inisiatif drastik dengan membentangkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) sebanyak RM250 bilion, yang boleh diibaratkan sebagai 'pucuk dicita ulam mendatang'.

Daripada keseluruhan jumlah itu, hampir RM128 bilion disalurkan untuk melindungi kebajikan rakyat, RM100 bilion untuk menyokong perniagaan termasuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan RM2 bilion untuk mengukuhkan ekonomi negara.

Prihatin

Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat

Melindungi Rakyat Menyokong Perniagaan Mengukuhkan Ekonomi

Artikel asal **Bernama**

Disediakan oleh:
Erda Khursyiah Basir

Disunting oleh:
Melati Mohd Ariff

Wabak COVID-19 yang melanda dunia dan Malaysia khususnya ketika ini, memberi implikasi yang cukup besar kepada seluruh lapisan masyarakat.

Pandemik yang pada mulanya tertumpu kepada soal kesihatan, namun ‘mengganas’ dan turut ‘menyerang’ sistem keselamatan, kewangan, pendidikan, sosial malah mungkin boleh menjelaskan kestabilan politik jika gagal ditangani dengan sebaik-baiknya.

Bagi menekan penularan wabak penyakit yang boleh membawa maut itu, kerajaan bertindak mengeluarkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac lepas dan disambung dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula 4 Mei 2020.

Dengan penguatkuasaan PKP, maka bermulalah episod ‘kehidupan baharu’ rakyat Malaysia.

Tidak kira anda tua atau muda, si kaya atau si miskin, di kampung atau di bandar, semua perlu patuh kepada arahan PKP iaitu “Duduk Di Rumah” dan “Kekal Di Mana Anda Berada”!

Tidak boleh keluar rumah sesuka hati seperti kebiasaan, tiada sesi persekolahan mahupun operasi taska, tiada kenduri-kendara atau gotong-royong dan apa sahaja perhimpunan beramai-ramai turut tidak dibenarkan.

Kebanyakan peniaga juga perlu akur menutup operasi perniagaan masing-masing.

Ini termasuklah Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta kakak, abang, pak cik dan mak cik yang selama ini mencari punca pendapatan melalui bermiaga di tepi-tepi jalan.

Suka atau tidak, setiap rakyat perlu patuh.

Melalui fasa PKP, kita ketepikan dahulu soal remeh-temeh seperti bosan, rasa terkongkong duduk di rumah dan yang seangkutan dengannya.

Fokus harus diberikan kepada masalah yang lebih besar.

Bagaimana kelangsungan hidup golongan ‘biasa-biasa’ atau lebih tepat lagi mereka yang ‘kais pagi makan pagi, kais petang makan petang’ (bermaksud orang miskin yang harus bekerja setiap masa) ?

Apa nasib penjual nasi lemak, apam balik dan burger tepi jalan? Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang saban hari keluar ‘mencuba nasib’ menjual tisu? Pengutip dan penjual barang terpakai, besi buruk, barang kitar semula? Nelayan, petani dan pemandu Grab?

Tiada kerja bermakna tiadalah wang. Dan jika tiada wang, bagaimana mahu meneruskan kehidupan?

Dengan ketidaktentuan berapa lama tempoh krisis COVID-19 serta arahan PKP akan berjalan, apa akan terjadi kepada golongan miskin, B40 malah mungkin turut melibatkan sebahagian kelompok M40?

Seolah-olah mengerti suara hati sang rakyat, kerajaan tidak mengambil masa yang lama untuk bertindak.

Kurang dari tempoh seminggu sejak hari pertama PKP dilaksanakan, Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 23 Mac lepas, mengumumkan bahawa pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berumur bawah

55 tahun dibenar membuat pengeluaran daripada Akaun 2 masing-masing bermula 1 April.

Inisiatif pengeluaran i-Lestari itu dijangka memanfaatkan sehingga 12 juta ahli KWSP dengan jumlah pengeluaran dianggarkan bernilai RM40 bilion.

Menerusi kemudahan itu, semua ahli KWSP yang berumur bawah 55 tahun boleh membuat pengeluaran wang simpanan dalam Akaun 2 masing-masing tertakluk kepada kadar maksimum RM500 sebulan untuk tempoh selama 12 bulan.

Seterusnya, pada 25 Mac lepas Bank Negara Malaysia (BNM) mengumumkan moratorium automatik bagi semua pembayaran semula pinjaman oleh individu dan PKS bagi tempoh enam bulan bermula 1 April 2020. Di samping itu, bank juga digalakkan untuk memudahkan moratorium ke atas pinjaman korporat dan perlu menyediakan peruntukan bagi pinjaman sedemikian.

Kemuncak khabar gembira yang sekaligus mengurangkan gundah di hati majoriti rakyat pastinya apabila Perdana Menteri pada 27 Mac lepas mengumumkan ‘hadiyah’ Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) bernilai RM250 bilion yang melibatkan setiap peringkat masyarakat.

OKU, warga emas, bujang, kanak-kanak di rumah perlindungan, gelandangan, orang asal, kelompok B40 sehingga ke M40, semuanya menerima manfaat.

Daripada jumlah keseluruhan, hampir RM128 bilion disalurkan untuk melindungi kebajikan rakyat, RM100 bilion untuk menyokong perniagaan termasuk PKS dan RM2 bilion untuk memperkuuh ekonomi negara. Sebanyak RM20 bilion pula diumumkan dalam pakej rangsangan sebelum ini.

Perdana Menteri menegaskan bahawa pakej berkenaan menyediakan bantuan segera bagi meringankan beban semua rakyat dan sektor yang terkesan bagi menangani impak krisis COVID-19.

“Sama ada anda seorang nelayan di Kukup, Johor atau pekebun kecil di Jeli, Kelantan. Anda pengusaha chalet di Cherating atau penarik beca di Melaka, peniaga pasar malam di Kuala Lumpur atau pasar tamu di Kundasang,

“Anda semua akan menikmati manfaat daripada pakej rangsangan ekonomi yang peduli rakyat ini. Seperti yang saya sebutkan, tiada golongan yang akan tercincir. No one will be left behind,” kata Muhyiddin ketika membentangkan pakej itu yang disiarkan secara langsung di media elektronik.

Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD), Dr Shawaludin Husin sebelum ini dipetik sebagai berkata, aspek kewangan boleh menjadi punca kritikal yang membawa kepada tekanan hidup termasuklah masalah mental jika gagal ditangani.

Seorang individu boleh mengalami tekanan jiwa dan perasaan jika berhadapan masalah kewangan. Institusi keluarga boleh terjejas, suami isteri kerap bertengkar dan anak-anak terabai, sekaligus boleh membawa kepada permasalahan yang lebih besar termasuk gejala sosial dan jenayah.

Perkara ini seterusnya boleh menjadi punca kepada rantaian masalah dalam komuniti masyarakat dan seterusnya memberi kesan langsung kepada negara.

Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dalam satu kenyataan sebelum ini menyatakan Malaysia bertindak balas kepada krisis kesihatan global dan menyelaraskan kejutan ekonomi di seluruh dunia secara menyeluruh, tekad dan tepat pada masanya.

Beliau berkata, PRIHATIN menggariskan tiga teras utama iaitu melindungi rakyat, menyokong perniagaan dan mengukuhkan ekonomi.

"Langkah-langkah kesihatan awam, fiskal, monetari dan kewangan PRIHATIN adalah bertujuan untuk melindungi kehidupan dan kumpulan berpendapatan rendah dalam masyarakat, mengurangkan tekanan aliran tunai perniagaan dan memelihara pekerjaan," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan Universiti Utara Malaysia (UUM), Muhammad Ridhuan Bos Abdullah pula berpendapat PRIHATIN dapat membantu kuasa beli rakyat seterusnya membawa kepada perkembangan positif ekonomi domestik.

Menurut beliau, bagi memastikan ekonomi domestik kekal berkembang walaupun mungkin dalam kadar perlahan, amat penting untuk rakyat mendapat 'suntikan' agar mereka terus mempunyai kuasa membeli yang boleh membawa kepada kesan limpahan ekonomi terhadap sektor lain yang turut terjejas sebelum ini.

Di saat negara-negara lain yang lebih teruk terkesan dengan krisis COVID-19 termasuklah kuasa besar Amerika Syarikat pun masih gagal bertindak dan mencari solusi terbaik bagi memastikan kebijakan rakyat terbela, Malaysia sebaliknya terus ke hadapan dengan melaksanakan pelbagai inisiatif.

Contoh lain, sebagai persediaan menghadapi kemungkinan peningkatan mendadak jangkitan COVID-19 di negara ini, hanya empat hari sahaja diperuntukkan bagi mengubah 'wajah' Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS)

menjadi Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah.

Ia merupakan idea Perdana Menteri sendiri dan direalisasikan dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), bomba, dan beberapa syarikat lain.

Muhyiddin juga sebelum itu antara lain turut memberi jaminan bahawa peruntukan sama rata akan diberi kepada setiap negeri, tanpa mengira parti mana yang membentuk kerajaan negeri berkenaan. Ringkasnya, ideologi politik diketepikan demi kemaslahatan bersama.

Itu belum diambil kira pencapaian lain seperti jumlah pesakit yang sembah saban hari, penurunan angka mereka dijangkiti COVID-19 serta kejayaan PKP yang kini memasuki fasa ketiga.

KKM menerusi ciapan di Twitter rasmi KKM Putrajaya pada 13 April berkongsi, kadar kesembuhan akibat wabak COVID-19 di Malaysia ialah sebanyak 45 peratus dan jumlah itu merupakan antara yang tertinggi di dunia. Kadar kesembuhan tertinggi adalah China (94 peratus) dan Korea Selatan (69 peratus).

Malaysia juga antara negara yang mencatat kematian terendah di dunia dan serantau dengan (1.6 peratus) berbanding Indonesia (8.5 peratus) dan Filipina (5.6 peratus).

Berhadapan krisis yang pertama kali berlaku dalam sejarah Malaysia dengan barisan kerajaan yang baharu sahaja dibentuk selepas melalui beberapa siri kontroversi, ianya bukanlah suatu tugas yang mudah.

Namun, setiap pemimpin menunjukkan komitmen tinggi untuk sama-sama 'turun padang' memantau situasi semasa rakyat di samping pantas dan cekap bertindak bagi perkara yang memerlukan keputusan segera.

Tidak keterlaluan jika dikatakan rakyat sebenarnya cukup bertuah!

Pengalaman luas Muhyiddin dalam pentadbiran negara yang kini semakin hari semakin dekat di hati rakyat dan diberi jolokan Bapa Prihatin Malaysia, ditambah gabungan barisan menteri yang turut berpengalaman, sesungguhnya amat membantu ketika negara melalui situasi sulit dan bersejarah ini.

Kredibiliti kerajaan yang belum pun sampai tempoh 'setahun jagung' ini, sememangnya wajar diberi pujian dan penghargaan.




Tan Sri Muhyiddin Yassin menerima sumbangan wang dan peralatan perubatan daripada rakan-rakan korporat untuk Dana COVID-19



Tan Sri Muhyiddin Yassin melawat Pusat Kesediaan dan Tindak Balas Krisis Kebangsaan (CPRC) di Kementerian Kesihatan (KKM)



Tan Sri Muhyiddin Yassin melawat Pusat Kuarantin dan Rawatan untuk pesakit COVID-19 yang berisiko rendah di Taman Ekspedisi Agro Malaysia, Serdang (MAEPS)



Usaha Hadapi Krisis **Covid-19** Dengan Berhemah

We are a nation at war with invisible forces. The situation we are now facing is unprecedented in history. And, this government may not be the government that you voted for. But I want all of you to know that this government cares for you. I accepted to the fact that I came in as your Prime Minister not at the best moment. I face political, economic and health crisis all at the same time.

This unprecedented situation of course requires unprecedented measures. So, my dear brothers and sisters, and the children of this beloved country, whether you are a Malay, Chinese, Indian, Sikh, Iban, Kadazan, Dusun, orang asal, please bear with me and my friends in the cabinet and the government. We are not perfect, but we are doing the best we can to pull through this crisis together, as one nation. God willing, we will come out stronger when this crisis ends and the dust settles. InsyaAllah.

Saya minta sokongan daripada saudara dan saudari sekalian, marilah kita berganding bahu mengharungi krisis ini bersama-sama.

Artikel asal **Bernama**Disediakan oleh:
Erda Khursyiah BasirDisunting oleh:
Rafe 'aton Md. Ali

Seluruh masyarakat khususnya ahli politik disarankan agar tidak mengambil kesempatan mempolitisukkan isu penularan COVID-19, sekaligus mengganggu usaha kerajaan untuk mengekang penularan wabak berkenaan.



Prof Dr Ahmad Martadha Mohamed, Ketua Kluster Tadbir Urus dan Integriti, Pusat Pengajian Kerajaan, Universiti Utara Malaysia.

Ketua Kluster Tadbir Urus dan Integriti, Pusat Pengajian Kerajaan, Universiti Utara Malaysia, Prof Dr Ahmad Martadha Mohamed berkata semua pihak perlu memberi kerjasama dalam membantu meringankan usaha kerajaan mengekang masalah itu.

"Apa juga agenda politik sama ada untuk memperjuangkan kepentingan individu atau parti, perlu diketepikan agar semua pihak dapat menumpukan perhatian terhadap usaha menangani krisis ini.

"Pemimpin dan ahli politik misalnya boleh membantu menyebarkan maklumat untuk kebaikan masyarakat terutama dalam mengajak rakyat mematuhi segala arahan, perintah serta saranan pihak berkuasa.

"Dalam situasi beginilah, ahli politik tidak kira dari mana-mana parti perlu menunjukkan kematangan dengan mengetepikan ideologi politik demi kepentingan rakyat dan negara," katanya kepada Bernama.

Mengambil contoh senario kematangan pemimpin politik di luar negara, Ahmad Martadha berkata

apa yang berlaku di China, Amerika Syarikat, United Kingdom, Eropah dan Iran menunjukkan bahawa pemimpin politik di negara itu bersatu hati dalam memerangi COVID-19.

TEGAS DAN BERHEMAH

Mengulas lanjut, Ahmad Martadha berkata pendekatan yang diambil kerajaan dalam menangani situasi yang pertama kali berlaku dalam sejarah negara ini, boleh disifatkan cukup berhemah namun tegas.

Ini sekaligus menyedarkan rakyat betapa pentingnya peranan mereka untuk menjadi warganegara yang bertanggungjawab.

Tambahnya, beberapa siri pengumuman yang dibuat oleh Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin khususnya berkaitan pematuhan tempoh 14 hari Perintah Kawalan Pergerakan (PKP, 18 Mac hingga 31 Mac) menggambarkan betapa kerajaan bijak menyantuni dan menasihati rakyat demi kebaikan bersama.

"Di media sosial sebagai contoh, ramai yang berkongsi dan bersetuju bahawa perutusan khas kali kedua Perdana Menteri yang disiarkan secara langsung menerusi stesen televisyen pada 18 Mac lepas, umpama seorang ayah yang sedang merayu dan menasihati anaknya agar duduk di rumah demi menjaga kesihatan dan keselamatan diri.

"Hargailah 'kelembutan' dan sikap penuh berhemah pemimpin kita dalam menangani isu yang sudah menjadi masalah dunia ini. Janganlah sengaja mengundang perkara yang lebih besar hanya kerana keangkuhan diri dan asyik mahu berpolitik," tegas beliau.

Ahmad Martadha berpendapat, rakyat sebenarnya beruntung kerana mempunyai pemimpin berpengalaman untuk menguruskan situasi penuh mencabar ketika ini.

Kata beliau, pengalaman pemimpin negara itu pastinya akan membantu mengatur strategi terbaik terutama dalam berdepan dengan kedegilan segelintir anggota masyarakat yang ingkar dengan peraturan dan arahan yang dikeluarkan.

UJIAN BESAR

Sementara itu, Pensyarah Kanan Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Dr Hairol Anuar Mak Din berkata ahli politik wajar menggunakan pengaruh mereka untuk tujuan kebaikan lebih-lebih lagi ketika negara sedang berhadapan dengan ujian besar.



Dr Hairol Anuar Mak Din, Pensyarah Kanan Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Beliau berkata, tindakan segelintir ahli politik yang mengeluarkan kenyataan negatif dan sengaja membangkitkan sentimen tidak sihat, dikhuatiri boleh menjelaskan perpaduan serta menimbulkan ketidakteraman awam.

“Ini termasuklah mempersoalkan keputusan kerajaan melaksanakan PKP, penggunaan khidmat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bermula Ahad (22 Mac) bagi membantu polis memantau pematuhan PKP dan pengumuman pengeluaran caruman dari Akaun 2 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berkuatkuasa 1 April nanti.

“Menangani wabak COVID-19 bukanlah isu mudah. Ia merupakan satu krisis global dan pengalaman baharu ini bukan sahaja melanda kerajaan dan rakyat Malaysia, bahkan negara lain yang telah terjejas teruk seperti China dan Itali yang terpaksa melaksanakan perintah berkurung,” katanya.

Pada masa ini, kerajaan pastinya telah dan akan melaksanakan langkah sebaik mungkin bagi menangani krisis ini dengan cepat, terkawal dan teratur di samping memastikan rakyat tidak terjejas teruk dengan memperkenalkan inisiatif-inisiatif tertentu.

“Justeru, janganlah ada pihak yang ‘menangguk di air keruh’, mengambil kesempatan daripada masalah ini demi kepentingan diri sendiri,” katanya.

INISIATIF KEPADA RAKYAT

Kerajaan sebelumnya meluluskan beberapa inisiatif dan bantuan bagi membantu meringankan beban rakyat ketika berhadapan wabak penyakit COVID-19.

Pada Isnin (23 Mac), Perdana Menteri mengumumkan pencarum KWSP berumur bawah 55 tahun dibenar membuat pengeluaran dari Akaun 2 masing-masing bermula 1 April depan.

Menerusi kemudahan ini, semua ahli KWSP yang berumur bawah 55 tahun boleh membuat pengeluaran dalam Akaun 2 masing-masing tertakluk kepada kadar maksimum RM500 sebulan untuk tempoh selama 12 bulan.

Peruntukan berjumlah RM130 juta juga akan disalurkan kepada negeri-negeri untuk membantu kerajaan negeri menangani krisis COVID-19.



Tan Sri Muhyiddin Yassin melakukan tinjauan aktiviti jualan dan pembelian di sebuah pasar raya besar di Seri Kembangan.

Peruntukan boleh digunakan untuk membantu penjaja, peniaga kecil, pesakit COVID-19 dan ahli keluarga mereka serta menyediakan keperluan kepada petugas di peringkat kerajaan negeri yang terlibat dalam menangani krisis ini.

Perdana Menteri juga memberi jaminan bahawa peruntukan sama rata akan diberi kepada setiap negeri, tanpa mengira parti mana yang membentuk kerajaan negeri berkenaan.

Ini berikutan krisis yang sedang melanda negara ini memberi kesan kepada semua rakyat tanpa mengira kaum, agama dan kecenderungan politik.

Semua pihak tanpa mengira fahaman politik mestilah bersama-sama berganding bahu dalam menangani krisis yang sedang dihadapi negara kerana tanggungjawab menjaga keselamatan, kesihatan dan nyawa rakyat adalah tanggungjawab bersama, melangkaui batas politik, tegas Perdana Menteri.



Muhyiddin dan Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Aziz mengadakan persidangan video dengan enam ketua GLC di pejabatnya di Perdana Putra



Tan Sri Muhyiddin Yassin meninjau aktiviti runcit di pasar raya besar di Seri Kembangan berikutan pelaksanaan Kawalan Pergerakan



MyTrace



MySejahtera


Aplikasi milik Kerajaan Malaysia
dalam usaha membendung wabak
COVID-19

Sudahkah Anda Memilikinya?

Muat turun sekarang di



#kitajagakita
#jagajarak
#disiplindiri
#penjarakansosial
#socialdistancing
#selfdiscipline
#staysafe



Pejabat Perdana Menteri

Blok Utama, Bangunan Perdana Putra, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya,
MALAYSIA.